



## **PERUTUSAN DATUK BANDAR**

### **MESYUARAT MAJLIS BIL. 7/2024**

**29 JULAI 2024 (23 MUHARRAM 1446H)**

#### **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi di atas segala limpah kurnia-Nya, di atas kepelbagaian nikmat yang diberikan kepada kita dan diberikan nikmat kesihatan untuk menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan Salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda SAW, para sahabat serta bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam urusan mentadbir dan mengurus organisasi dan pelan jangka panjang kemakmuran bersama buat warga Petaling Jaya.

Saya amat berharap sokongan dan komitmen yang jitu ini sentiasa berpanjangan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan merealisasikan penyampaian perkhidmatan dan program-program Majlis.

## **2. SEMANGAT KERJA BERPASUKAN TUNJANG KEJAYAAN**

Mengambil aspirasi semangat kerja berpasukan, saya berharap agar kita dapat memberikan komitmen, mutu kerja dan keazaman yang tinggi bagi memastikan prestasi kerja terus cemerlang dalam mencapai matlamat dan objektif Majlis.

Hasrat Majlis ke arah mencapai matlamat PJSSR 2030 iaitu di bawah pelaksanaan 10 *thematic projects* dan dipadukan dengan Malaysia MADANI, Rancangan Selangor-1 (RS-1) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang memfokuskan dan memacu ke arah tadbir urus yang baik, cekap, telus, bertanggungjawab dan berintegriti, memberi penekanan kepada penggunaan teknologi pintar dan IoT (internet of things) bagi mewujudkan transformasi di dalam perhubungan di antara Majlis dengan penduduk, sektor perniagaan, NGO dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Majlis bertekad terus menjadi peneraju dengan pencapaian prestasi dan imej bandar raya yang cemerlang, bersih dan berintegriti. Fokus utama adalah melalui pendigitalan kesemua perkhidmatan dan pengurusan Majlis, tadbir urus baik berteraskan libat urus (engagement), pembangunan modal insan, mewujudkan rangkaian dengan bandar-bandar luar dan dalam negara melalui perkongsian '*best practices*' dan penandaarasan. Bagi membentuk dan memperkasa budaya kerja yang berkualiti dalam organisasi, beberapa ciri harus diberi perhatian antara lain adalah seperti:

- a) Orientasi warga kerja haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang.
- b) Komitmen daripada setiap warga kerja bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi adalah dituntut.
- c) Kerja yang hendak dilaksanakan perlu dilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak organisasi dengan mengetepikan segala kepentingan lain khususnya kepentingan peribadi.
- d) Mewujudkan dan memperkukuh '*mind-set*' yang berorientasikan kecemerlangan supaya warga kerja lebih komited kepada matlamat utama Majlis.

- e) Sentiasa menggalakkan warga kerja menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Justeru, kita perlu memainkan peranan penting dan bertanggungjawab untuk menguruskan sumber tenaga manusia dengan sebaiknya. Tindakan pembetulan haruslah merangkumi usaha-usaha pencegahan sebelum sesuatu itu berlaku. Ini termasuklah mewujudkan persekitaran suasana kerja yang menarik serta melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh mewujudkan semangat kerjasama.

### **3. PELAKSANAAN INOVASI DAN KREATIF**

Dalam dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, hampir setiap hari kita diperkenalkan dengan teknologi baharu hasil daripada inovasi yang dilaksanakan. Bagi mendepani dunia moden masa kini, Kerajaan serius melaksanakan aktiviti dan pertandingan Inovasi dan Kreativiti bagi agensi-agensi Kerajaan dalam usaha memupuk dan menghasilkan produk inovasi yang dapat memberi impak tinggi kepada masyarakat dan komuniti dalam negara.

Pada tahun ini, Majlis telah menubuhkan 22 pasukan inovasi melibatkan pelbagai Jabatan dan Unit bagi mengharungi pertandingan inovasi di peringkat negeri, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Dalam memastikan budaya inovasi MBPJ dapat ditingkatkan, MBPJ telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan Anugerah Persada Inovasi MBPJ pada 14 Julai 2024 disertai oleh 10 kumpulan melibatkan pelbagai jabatan.

Kesemua 10 kumpulan berjaya ke peringkat Penilaian Fizikal bagi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) yang telah diadakan pada 15 Julai dan menunggu keputusan ke peringkat seterusnya yang akan diadakan secara dalam talian.

Keseluruhannya terdapat 20 kumpulan yang mewakili Petaling Jaya, melibatkan 10 kumpulan dari MBPJ, 6 kumpulan dari sekolah, 2 kumpulan dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan 2 kumpulan dari pihak swasta. Situasi ini telah menunjukkan peningkatan positif yang drastik berbanding pada tahun 2023 hanya satu kumpulan sahaja di peringkat Petaling Jaya.

MBPJ juga giat melaksanakan persiapan bagi menghadapi Pertandingan Inovasi MALA 3.0 Piala YB Menteri KPKT yang akan diadakan pada bulan Oktober 2024 dan International Convention Quality Control Circles (ICQCC) 2024, Sri Lanka yang akan diadakan pada bulan November 2024. Pasukan yang terbaik telah dikenal pasti dengan mengambil kira pencapaian mereka di peringkat negeri dan kebangsaan.

#### **4. AKTIVITI BANDAR RAYA KOTA SENI**

Perkembangan teknologi yang semakin canggih dengan kewujudan permainan video serta internet tidak dinafikan sedikit sebanyak menyebabkan permainan tradisional yang suatu masa dulu dekat di hati masyarakat kini semakin dilupakan.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengambil inisiatif dengan berkolaborasi bersama Persatuan Gasing Malaysia (PEGAMA) sebagai rakan teknikal dan rakan strategik bagi menjayakan program PJ Bergasing 2024 yang telah berlangsung dari 11 hingga 14 Julai Kompleks Sukan Kelana Jaya, Petaling Jaya.

Program yang julung kali diadakan berjaya menarik penyertaan hampir 200 peserta dari 13 buah negeri dan Singapura. Sebanyak 3 kategori dipertandingkan iaitu kategori Gasing Malaysia, Gasing Warisan dan Komuniti Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) PJ.

Objektif penganjuran program PJ Bergasing 2024 adalah sebagai platform dan kaedah mempopularkan serta mendedahkan seni permainan gasing tradisional kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

Selain itu, pelaksanaan program seumpama ini juga dapat mempromosikan Petaling Jaya sebagai satu lokasi pelancongan warisan yang mampu menarik minat pengunjung luar untuk datang dan mengenali Petaling Jaya dengan lebih dekat. Ia selari dengan hasrat MBPJ untuk menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah Kota Seni.

Pelbagai aktiviti menarik yang berkonsepkan kebudayaan, kesenian dan nyanyian telah diadakan seperti Pertandingan Mewarna, Sukan Rakyat (Tuju selipar, tuju tin, lompat getah dan mencari puspawangi), Konsert Rock Solo, Konsert Rock Legend dan kugiran.

PJ Bergasing 2024 juga dimeriahkan dengan penglibatan Pasar Saloma bertemakan 'Perkampungan Melayu Klasik' pastinya menggamit nostalgia klasik 60-an dan mengembalikan kegemilangan zaman dahulu. Pengunjung boleh mendapatkan pelbagai jenis makanan 'jarang jumpa' seperti kuih dangai, kuih peneram, punten dan lempeng kelapa atau pek nga.

Diharapkan dengan penganjuran program seumpama ini dapat memartabatkan semula permainan tradisional dan sukan rakyat sekaligus mengumpulkan penglibatan pelbagai peringkat dalam usaha mengekalkan seni dan warisan budaya negara agar tidak pupus ditelan zaman.

## 5. KESELAMATAN DAN KESELESAAN PEJALAN KAKI

Untuk makluman, kerja-kerja menaiktaraf laluan pejalan kaki dan lain-lain kerja berkaitan di sekitar MRT Phileo Damansara, Jalan 16/11 dan Jalan 16/15, Seksyen 16 dijangka siap pada 18 November 2024.

Tarikh mula kerja pada 1 Julai itu adalah bagi memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna sekitar yang menggunakan perkhidmatan MRT dan mengambilkira pandangan dari pelbagai agensi dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna/penduduk yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam

Ia juga merupakan projek Majlis untuk *first and last mile improvement* Petaling Jaya melalui Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Tahun 2017) dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Tahun 2017) yang telah mengenal pasti sebanyak 25 stesen yang berunsurkan pembangunan berorientasikan transit (TOD). Daripada jumlah ini, sejumlah 20 stesen adalah stesen sedia ada manakala bagi 5 stesen lagi adalah merupakan stesen komited.



## 6. **PENEMPATAN BARU USAHAWAN MIKRO *PEOPLE'S PARK***

Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 5/2018 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bertarikh 12 Jun 2018 terdapat isu dan aduan berulang Penjaja Tanpa Lesen (PTL) di sekitar Zon 1, Damansara Damai.

Berdasarkan hasil bancian Penjaja Tanpa Lesen (PTL) terdapat sejumlah 28 penjaja menjalankan perniagaan tanpa lesen di Apartment Idaman, Jalan PJU 10/1, Damansara Damai (Apartment Idaman).

Untuk makluman bersama, pada 21 Oktober 2021, MBPJ telah menimbang dan meluluskan cadangan akhir 36 tapak gerai di Taman Damai Setia (Urban Park 1), Damansara Damai.

Konsep penstrukturan semula gerai di Damansara Damai merupakan sebuah 'hentian' yang berinspirasi ' *Pitstop Caravan* ' mampan dalam jangka masa panjang dengan mengambil kira keperluan ekologi dan biodiversiti tapak, seterusnya diadaptasi dalam kemudahan sosial harian dan demografi setempat yang membentuk perasaan kekitaan dalam kalangan penduduk Damansara Damai.

Antara komponen dan kemudahan awam di Tapak Gerai (People's Park) PJU 10, Damansara Damai adalah petak penjaja / Smart Trak 16 petak, petak car boot sale 29 petak, *plug point @ commando plug* , pili air, tandas, surau dan set alatan permainan bersepadu.

Lokasi penempatan di tapak Gerai People's Park PJU 10 Damansara Damai adalah lokasi yang sesuai dan strategik kepada penjaja bagi penduduk sekitar Petaling Jaya secara tidak langsung mendukung kepada beberapa elemen PJSSR 2030 antaranya seperti :

- a) ***Economically Vibrant City*** – Mewujudkan tempat perniagaan dengan mengguna pakai pembangunan infrastruktur moden dan efisien, pengangkutan awam yang lestari, utiliti dan kemudahan, perhubungan kepada penjaja dan penduduk sekitar Damansara Damai dengan menggalakkan pertumbuhan ekonomi akan berlaku secara inklusif di kawasan-kawasan pusat bandar, kawasan kejiranan dan kawasan terpinggir secara tidak langsung meningkatkan ekonomi bandar Petaling Jaya yang lebih kompetitif, iaitu mampu bersaing pada peringkat nasional dan antarabangsa.
  
- b) ***Low Carbon City*** – Amalan hijau dan mengeluarkan karbon atau GHG yang relatif rendah dengan mengekalkan pokok-pokok yang asal iaitu berteknologi hijau; penggunaan tenaga yang efisien dan konsep bangunan hijau, teknologi hijau, penghijauan bandar dan

penanaman pokok yang dapat menyediakan oksigen dan menyerap karbon dan transisi daripada konsep *city management* kepada *city governance*, serta komuniti rendah karbon melalui sebaran maklumat yang telus dan proses penyertaan daripada pelbagai pemegang taruh.

- c) **Safe And Resilient City** – Memastikan aspek keselamatan penjaja dan penduduk sekitar dengan memindahkan penjaja di tepi jalan raya ke dalam Tapak Gerai *People's Park* mewujudkan tempat perniagaan yang selesa dan menjadi tempat tumpuan awam serta penduduk sekitar.

## 7. PROGRAM KEUSAHAWANAN U-PLATS

Pada 12 Julai 2024 yang lalu, telah diadakan Malam Anugerah Platform Selangor (MAPS) iaitu satu majlis bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada peserta-peserta di seluruh 12 PBT di Negeri Selangor yang telah menyertai Program Usahawan U-PLATS anjuran Menteri Besar Incorporated (MBI) bersama Platform Selangor (PLATS) dan Selangor Youth Community (SAY).

Program ini telah dijalankan selama 3 bulan mengikut PBT masing-masing. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menghantar seramai 30 orang peserta menjalani 3 modul pembelajaran yang melibatkan topik digitalisasi dan pemasaran perniagaan.

Tahniah diucapkan kepada peserta daripada MBPJ iaitu Encik Mohamad Azizul bin Abdul Aziz, usahawan minuman kopi "Jijo Street Coffee" yang telah menerima **Anugerah Usahawan Mikro Digital Selangor** dan Puan Farah Syazahani binti Azhari, usahawan makanan nasi ayam goreng berempah yang telah menerima **Anugerah Peserta Terbaik PBT** di antara 360 peserta melibatkan PBT di Negeri Selangor.

## 8. **SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Sistem Penarafan Bintang (Star Rating) adalah sistem penggredan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertujuan untuk menilai tahap penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Untuk mendapatkan penarafan 5 bintang, PBT perlu mencapai pemarkahan 90-100 peratus (%). Secara asasnya, penggredan akan dilakukan 2 tahun sekali.

Penilaian di MBPJ akan di laksana pada hari Isnin 12 Ogos 2024. Ia merangkumi 253 indikator dalam 4 kriteria utama iaitu **Pengurusan, Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan** dan **Penyertaan Komuniti**.

Saya percaya, semua Ketua Jabatan dan warga kerja Majlis telah membuat persiapan dan persediaan rapi termasuk melaksanakan audit sendiri bagi memastikan segala kriteria dipenuhi dan dicapai.

Berdasarkan ini, iltizam Majlis Bandaraya Petaling Jaya sudah pasti untuk mendapat penarafan cemerlang dan tertinggi, sekaligus memperkasakan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi.

## 9. CEGAH AEDES DAN CEGAH DENGGI

Situasi semasa kes demam denggi bagi kawasan pentadbiran Petaling Jaya dilaporkan pada minggu epidemiologi 28/2024 (07/07/2024 – 13/07/2024) berjumlah 133 kes menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 4,220 kes.

Keadaan ini menunjukkan penurunan kes denggi 1 peratus berbanding minggu epidemiologi sebelumnya (27/2024). Terdapat satu kes kematian di Apartment Permai PJU 3 pada hujung bulan Mei. Manakala jumlah kes demam denggi bagi 3 PBT di Daerah Petaling bagi tahun 2024. Majlis Bandaraya Subang Jaya (5,543 kes), **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (4,220 kes)** dan Majlis Bandaraya Shah Alam (3,892 kes).

Pada bulan Julai, dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling bersama penduduk, Majlis telah melaksanakan gotong-royong bagi membasmi pembiakan jentik-jentik nyamuk Aedes di beberapa lokasi seperti Kampung Sungai Kayu Ara, Apartment Indah PJU 10, Apartment Pelangi Damansara PJU 6, SS 5C, Flat Impian Baiduri dan Flat Desaria PJS 5.

Program gotong-royong denggi dijalankan bagi memupuk kesedaran dikalangan orang awam tentang bahayanya denggi. Dengan gotong-royong ini diharap dapat membantu membersihkan kawasan yang boleh membawa kepada pembiakan nyamuk Aedes, pembawa demam denggi.

Melalui usaha gabungan pelbagai pihak iaitu MBPJ, PKD, JMB, MPP, KDEB berhasrat untuk memberi inspirasi kepada seluruh masyarakat Petaling Jaya khasnya di kawasan *hotspot* denggi untuk mengambil langkah proaktif dalam mengekalkan persekitaran yang lebih bersih dan sekali gus dapat mencegah penularan kes wabak dan demam denggi

**Sekian, terima kasih.**

